

27/05/1999

Pas galak bergaul dengan bukan Islam

KOTA BHARU, Rabu - Kerajaan Pas Kelantan tidak pernah mengarahkan guru agama di negeri ini mempengaruhi kanak-kanak supaya tidak bergaul dengan masyarakat bukan Islam, bagi mengelak kesucian agama dan cara hidup mereka dicemari.

Malah, kata Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan, Dakwah dan Penerangan negeri, Mohamad Daud, kerajaan negeri sentiasa menggalakkan mereka bergaul dengan masyarakat bukan Islam.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga tidak menghalang pelajar di semua sekolah di bawah pengendalian kerajaan negeri daripada bergaul dengan masyarakat bukan Islam, bagi mendedahkan mereka dengan adat dan budaya masyarakat berkenaan.

"Sebab itu, kerajaan negeri menubuhkan Maahad Dakwah Wal-Imamah, yang mengambil pelajar pelbagai bangsa, yang menggunakan bahasa penghantar Cina.

"Selain itu, kita (kerajaan negeri) juga menghantar pelajar dari negeri ini ke Cina bagi mendalami ilmu di negara itu dan kini ternyata berhasil," katanya.

Mohamad yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Sr Mahathir Mohamad, semalam, yang mendedahkan ada guru agama di negara ini yang cuba mempengaruhi kanak-kanak supaya mengelak daripada bergaul dengan masyarakat bukan Islam.

Menurut Perdana Menteri, mereka cuba mengasingkan diri secara fizikal daripada bukan Islam serta beranggapan hubungan dengan bukan Islam akan mencemari agama dan cara hidup mereka.

Aliran itu, katanya, adalah antara contoh kebimbangan umat Islam mengenai sekularisme sehingga cuba menjauhkan diri daripada pengaruh luaran, menyebabkan mereka tidak menyumbang kepada kefahaman antara agama.

Mohamad berkata, kerajaan negeri melantik masyarakat bukan Islam menganggotai pihak berkuasa kerajaan tempatan, seperti Ahli Majlis Daerah dan Perbandaran serta penghulu tanpa mukim untuk memudahkan urusan mereka.

"Ini semua menjadi peraturan dan dasar kerajaan negeri dalam pentadbirannya," katanya.

Sebab itu, kerajaan negeri menggalakkan supaya masyarakat bukan Islam menghadiri majlis perayaan dan hari kebesaran Islam di masjid bersama masyarakat Islam.

"Ini seperti yang pernah disarankan oleh Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, sebelum ini," katanya.

(END)